



JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK (2)

1223/1

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Sept./Okt.

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2, dan mana-mana satu soalan yang berikut. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan dalam kertas jawapan untuk Bahagian A.*
5. *Ceraikan kertas jawapan untuk Bahagian A daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan untuk Bahagian A bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

Bahagian A
[40 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga Soalan 20.

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C, dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.*

1

“Mengisytiharkan dirinya keluar daripada agama Islam”

Pernyataan di atas boleh menyebabkan seseorang menjadi murtad dengan cara

- A amalan
- B iktikad
- C perbuatan
- D perkataan

2

Berikut adalah sebab-sebab dilarang memakan harta anak yatim **kecuali**

- A mengeratkan silaturrahim
- B mencabuli hak anak yatim
- C menyebabkan kehidupan melarat
- D mengakibatkan kehilangan punca pendapatan

3

Kebaikan berpegang teguh kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah terhadap masyarakat adalah

- A perpaduan sentiasa terjalin
- B asas penerimaan sesuatu ibadah
- C terhindar daripada melakukan maksiat
- D merasa kemanisan iman dalam beribadat

4

“A” seorang muslim tetapi sering mempertikai dan menolak hukum-hukum yang terdapat dalam al-Quran.

Perbuatan “A” dikategorikan sebagai

- A syirik jail
- B syirik khafi
- C kufur nikmat
- D kufur hakikat

5 Antara berikut, yang manakah bukan pegangan kumpulan Al-Khawarij?

- A Beriktikad bahawa pelaku dosa besar adalah kafir
- B Membataskan sumber syariat hanya kepada al-Quran sahaja
- C Mengkafirkan semua umat Islam yang berbeza iktikad dengan mereka
- D Beriktikad bahawa jawatan imam adalah anugerah Allah seperti kenabian

6 Pilih pernyataan yang benar mengenai perbezaan antara gadaian dan hutang.

	Gadaian	Hutang
I	Ada cagaran tertentu	Tiada cagaran
II	Hukum membayarnya harus	Hukum membayarnya wajib
III	Tidak memerlukan saksi	Memerlukan saksi
IV	Barang gadaian tidak lupus apabila tamat tempoh	Bayaran luput apabila tamat tempoh

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

7

Mengerjakan umrah terlebih dahulu pada bulan haji,
diikuti dengan mengerjakan haji.

Pengertian di atas merujuk cara mengerjakan haji

- A Ifrad
- B Qiran
- C Qudum
- D Tamattuk

8 Tawaf yang sunat dilakukan oleh jemaah haji sebaik sahaja tiba di Mekah adalah

- A tawaf Wada'
- B tawaf Qudum
- C tawaf Ifadah
- D tawaf Tamattuk

[Lihat halaman sebelah
SULIT

9 Pilih lafaz rujuk yang sesuai mengikut syariat.

- i. "Aku rujuk engkau"
- ii. "Aku rujuk engkau selama sebulan"
- iii. "Aku hendak rujuk dan memohon maaf"
- iv. "Aku rujuk engkau dengan bayaran RM1000.00"

- A i dan ii
 B i dan iii
 C ii dan iv
 D iii dan iv

10 Pilih pernyataan yang tepat mengenai perbezaan antara khuluk dan fasakh.

	Khuluk	Fasakh
I	Lafaz cerai dari suami atas permintaan isteri	Cerai melalui kuasa kadi
II	Cerai melalui kuasa kadi	Lafaz cerai dari suami atas permintaan isteri
III	Tanpa bayaran	Bayaran tertentu
IV	Bayaran tertentu	Tanpa bayaran

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

11

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Untuk menafikan tuduhan suami • Untuk mengelakkan tuduhan qazaf |
|--|

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A sebab berlaku ila'
 B sebab berlaku lian
 C sebab berlaku zihar
 D sebab berlaku nusyuz

12 Mengapakah isteri perlu memberi layanan yang baik kepada suami?

- A Supaya suami tidak berpoligami
- B Supaya kehidupan akan tenteram
- C Supaya mendapat zuriat yang soleh
- D Supaya mendapat rezeki yang banyak

13

- Menetapkan al-Quran dibaca dalam lajjah Quraisy
- Sahabat dibenarkan keluar atau meninggalkan kota Madinah

Pernyataan di atas merujuk kepada polisi.

- A Khalifah Ali bin Abi Talib
- B Khalifah Umar al-Khattab
- C Khalifah Uthman bin Affan
- D Khalifah Abu Bakar as-Siddiq

14 Jabatan yang mengendalikan hal ehwal ketenteraan pada zaman kerajaan Bani Umaiyyah ialah

- A Baitul Mal
- B Baitul Hikmah
- C Diwan al-Jund
- D Diwan al-Kharaj

15 Perkembangan Sains dan Teknologi pada zaman Kerajaan Abbasiyah didorong oleh

- A galakan khalifah dan globalisasi ilmu
- B kepesatan sektor ekonomi di kota Baghdad
- C kawalan keselamatan yang ketat oleh kerajaan
- D dasar kerajaan mempelbagaikan sektor pertanian

16

- Kitabnya yang termasyhur ialah Al-Muwatta'
- Berpegang dengan prinsip murid mencari guru dan tidak mengira kedudukan
- Tidak pernah menunggang kuda di Madinah kerana menghormati bumi yang ada jasad Rasulullah SAW.

Pernyataan di atas merujuk tokoh


- A Imam As-Syafie r.a
 - B Imam Abu Hanifah r.a
 - C Imam Malik bin Anas r.a
 - D Imam Ahmad Hanbal r.a
- 17 Pilih jawapan yang tepat mengenai sumbangan Sayyid Jamaluddin al-Afghani dalam bidang pemikiran dan gerakan Islah.
- A Penggiat budaya dan kesusasteraan Arab
 - B Penggerak perjuangan menentang penjajah
 - C Melalui peranannya dalam pentadbiran dan kehakiman
 - D Mengasaskan majalah al-Imam untuk menyebarkan dakwah
- 18 Antara berikut, yang manakah **bukan** amalan berhias diri menurut Islam?
- A Mandi
 - B Bersugi
 - C Potong kuku
 - D Menjaga pemakanan
- 19 Apakah hukum menziarahi makam Rasulullah SAW?
- A Sunat
 - B Harus
 - C Wajib
 - D Makruh
- 20 Tanggungjawab utama manusia memelihara alam adalah untuk
- A kepentingan dan keselamatan Negara
 - B keindahan, kebersihan dan keasliannya
 - C kesenangan dan kemewahan hidup di dunia
 - D menjamin kesejahteraan di hari akhirat

Soalan 21 hingga Soalan 40.

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.


21 Orang yang tidak taat kepada Allah dan Rasul-Nya dengan melakukan dosa besar atau berterusan melakukan dosa kecil adalah maksud

22 adalah kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan amaran azab di akhirat.



23 S dalam rajah di atas ialah.....

24 ialah rukun haji yang menjadi simbol membersihkan diri daripada sifat tercela yang terdapat pada diri seseorang.




25 T dalam rajah di atas ialah

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- Tidak melabur dalam perniagaan yang haram
- Keuntungan bukan berdasarkan dividen tetap
- Beberapa pihak dapat berkongsi untung daripada pembelian modal


26 Pernyataan di atas berkaitan



27 U dalam rajah di atas

Aziz tidak mampu memberi nafkah kerana beliau tidak memiliki pekerjaan, tetapi beliau berhasrat untuk berkahwin

28 Hukum perkahwinan di atas adalah



29 V ialah perempuan yang haram dikahwini

30 Anak angkat tidak boleh mewarisi keluarga angkatnya.

- Isteri-isteri tidak berpuas hati
- Akan meruntuhkan institusi kekeluargaan
- Anak-anak kurang mendapat kebajikan dan kasih sayang daripada bapa

- 31 Pernyataan di atas adalah kesan yang tidak mengikut syariat Islam.
- 32 Suami boleh isterinya yang diceraikan dengan talak satu dalam tempoh idah.
- 33 ialah pusat pemerintahan kerajaan Khulafa Ar- Rasyidin.
- 34 Semangat kekebalan dan pilih kasih menjadi punca zaman Kerajaan Umayyah.

Khalifah	Peranannya
Harun Ar-Rasyid	Menubuhkan Baitul Hikmah
X	Menggiatkan usaha penterjemahan
Abu Abbas As-Safah	Pengasas kerajaan Abbasiyah


- 35 X dalam jadual di atas merujuk kepada Khalifah
- 36 Jawatan kedua selepas khalifah dalam struktur organisasi Kerajaan Abbasiyah ialah

- Al-Musnad
- An-Nasikh Wal Mansukh
- Al-Manasik al-Kabir
- At-Tarikh

37 Karya di atas dihasilkan oleh

38 Syeikh Tahir Jalaluddin adalah tokoh yang memperjuangkan idea di Nusantara.

Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



39 Y dalam rajah di atas ialah

40 Amar Ma'ruf adalah mengajak, menyuruh atau supaya melakukan kebaikan.

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan : Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Apakah maksud mencuri? [2 markah]
 (ii) Apakah hukuman hudud bagi kesalahan mencuri? [2 markah]
 (iii) Nyatakan **dua** syarat untuk mensabitkan hukuman tersebut. [2 markah]
 (iv) Jelaskan **dua** langkah menangani perbuatan mencuri. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** nama lain bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [4 markah]
 (iii) Jelaskan **dua** perbezaan prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan al-Khawarij. [4 markah]
- 2 (a) (i) Apakah maksud haji? [2 markah]

Firman Allah SWT.

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

(سورة ال عمران : 97)

Antara syarat wajib haji adalah berkemampuan.

- (ii) Senaraikan **dua** maksud berkemampuan (istita'ah) dalam ibadat haji. [2 markah]
 (iii) Jelaskan **dua** hikmah ibadat haji terhadap individu. [4 markah]

- (b) Anak merupakan amanah Allah SWT kepada para ibu bapa.
- (i) Apakah hukum melaksanakan tanggungjawab dalam mendidik anak-anak? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh ibu bapa terhadap anak yang baru dilahirkan. [2 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** kesan pengabaian dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap anak-anak. [4 markah]
- (c) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut:
- (i) Encik Abu tidak dapat melontar Jamratul Aqabah kerana sakit. [2 markah]
 - (ii) Cik Salmiah berkahwin dengan pemuda pilihannya berwalikan bapa saudara sebelah ibunya. [2 markah]
- 3 (a) (i) Nyatakan **dua** adab menziarahi jenazah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** hikmah menziarahi jenazah. [4 markah]
- (b) (i) Senaraikan **empat** ciri kepimpinan Khulafa Ar-Rasyidin. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** dasar pentadbiran Khulafa Ar-Rasyidin. [4 markah]
- (c) Imam Al-Ghazali digelar Hujjatul Islam.
- (i) Mengapakah beliau digelar demikian? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** bukti kegigihan beliau yang boleh dicontohi dalam menuntut ilmu. [4 markah]

- 4 (a) Umat Islam digalakkan bersedekah sebahagian rezeki yang diterimanya daripada Allah SWT kepada orang yang memerlukan.
- (i) Senaraikan **empat** jenis sedekah. [4 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara sedekah dan hadiah. [4 markah]
- (b) Ibnu Khaldun adalah tokoh sejarawan ulung.
- (i) Nyatakan hasil karya beliau yang terkenal. [2 markah]
 - (ii) Senaraikan **dua** sifat peribadi beliau. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** kesan sumbangan beliau dalam bidang ilmu dan pemikiran Islam. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** kesan positif penyebaran Islam pada zaman Kerajaan Abbasiyah terhadap ilmu pengetahuan. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT



HALAMAN KOSONG

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

Nama Tingkatan

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

- | | | | | | | |
|----|-----|-----|-----|-----|----|-------|
| 1 | (A) | (B) | (C) | (D) | 21 | _____ |
| 2 | (A) | (B) | (C) | (D) | 22 | _____ |
| 3 | (A) | (B) | (C) | (D) | 23 | _____ |
| 4 | (A) | (B) | (C) | (D) | 24 | _____ |
| 5 | (A) | (B) | (C) | (D) | 25 | _____ |
| 6 | (A) | (B) | (C) | (D) | 26 | _____ |
| 7 | (A) | (B) | (C) | (D) | 27 | _____ |
| 8 | (A) | (B) | (C) | (D) | 28 | _____ |
| 9 | (A) | (B) | (C) | (D) | 29 | _____ |
| 10 | (A) | (B) | (C) | (D) | 30 | _____ |
| 11 | (A) | (B) | (C) | (D) | 31 | _____ |
| 12 | (A) | (B) | (C) | (D) | 32 | _____ |
| 13 | (A) | (B) | (C) | (D) | 33 | _____ |
| 14 | (A) | (B) | (C) | (D) | 34 | _____ |
| 15 | (A) | (B) | (C) | (D) | 35 | _____ |
| 16 | (A) | (B) | (C) | (D) | 36 | _____ |
| 17 | (A) | (B) | (C) | (D) | 37 | _____ |
| 18 | (A) | (B) | (C) | (D) | 38 | _____ |
| 19 | (A) | (B) | (C) | (D) | 39 | _____ |
| 20 | (A) | (B) | (C) | (D) | 40 | _____ |

HALAMAN KOSONG

.....

.....

.....

.....	11	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	12	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	13	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	14	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	15	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	16	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	17	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	18	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	19	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	20	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	21	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	22	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	23	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	24	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	25	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	26	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	27	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	28	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	29	(A)	(B)	(C)	(D)
.....	30	(A)	(B)	(C)	(D)